

Air berselut

Kerja pembalakan jejas kehidupan masyarakat Orang Asli Pos Tohoi

>>Oleh Ramli Ibrahim

am@hmetro.com.my

GUA MUSANG: Lebih 400 penduduk Orang Asli di Pos Tohoi, dekat sini, berdepan masalah pencemaran air selepas kawasan tadahan air bukit di situ tercemar akibat kegiatan pembalakan sejak tiga bulan lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Orang Asli (JKK-KOA) Pos Tohoi, Sainal Cali berkata, penduduk menggunakan air tadahan bukit itu sebagai sumber air bersih sejak lebih 10 tahun lalu dengan bantuan Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan.

Katanya, penduduk terkejut apabila dua bulan lalu, bekalan air keruh dan berselut sebelum pemantauan mendapati ia berpunca da-


ripada kerja pembalakan.

"Apabila kami beramai-ramai pergi ke kawasan tadahan air bukit itu didapati ada kegiatan pembalakan tidak terkawal menyebabkan

kami menghalangnya.

"Kerja pembalakan itu sudah lama dilakukan sehingga kawasan tadahan air bukit kotor, berselut dan dipenuhi pokok tumbang," katanya.

Menurut Sainal, setakat ini, syarikat pembalakan itu menghentikan pembalakan di kawasan tadahan air, tetapi jika diteruskan semula, penduduk akan menghalangnya.



TERCEMAR...
seorang penduduk menunjukkan air sungai yang tercemar dan berselut akibat pembalakan di Pos Tohoi.